

Tema tahunan: Diutus Dengan Kegembiraan Untuk Menyembuh

Tema Ogos: Penyembuhan ke arah integrasi

Fokus: Diutus ke dunia untuk menyembuhkan

Acara: Hari Kebangsaan

Tren Media Sosial: #pmpmerdeka

Pengenalan

Dunia yang kita kenali sedang mengalami satu perubahan yang mendadak. Kepintaran buatan, satu dunia 5G, revolusi kemasyarakatan, pertukaran dan pergolakan kuasa politik, dan sistem pembayaran tanpa tunai yang terkini yang menjadi sebahagian kehidupan kita. Kemunculan pandemik Covid-19 dan pergantungan sepenuhnya kita kepada media sosial untuk berkomunikasi dan memperoleh pendidikan, menunjukkan betapa besarnya perubahan yang melanda dunia kita. Dan ia juga membawa impak secara langsung kepada masyarakat, keluarga dan Gereja kita. Perubahan ini membentuk kita ke suatu masyarakat yang bersatu, suatu masyarakat yang boleh berhubung di antara satu sama lain dengan cepat dan mudah melalui aplikasi-aplikasi seperti Whatsapp, Twitter, Facebook, Zoom dan sebagainya. Namun, adakah kita menjadi lebih rapat atau lebih jauh perhubungannya dengan masyarakat di sekeliling kita?

Doa Pembukaan:

Jemput seorang ahli BEC untuk mengatakan doa pembukaan

Lagu Pembukaan:

Kita Satu Dalam Tuhan

Kita satu dalam Tuhan

Kita satu dalam Tuhan

Kita disatukan di dalam roh Tuhan

Kita satu dalam Tuhan

Mari kita bernyanyi

rasakan kasih Tuhan

Mari berpegang tangan

supaya dunia tahu

Kita satu dalam Tuhan

Kita satu dalam iman

Kita satu dalam iman

Kita disatukan

Di dalam iman

Kita satu dalam iman

Dialog:

Berhadapan dengan pelbagai cabaran dan perubahan yang berlaku pada hari ini, kita harus peka kepada hal-tuju yang dibawa oleh cabaran dan perubahan ini. Maksudnya, adakah ia menyatukan,

ataupun memecah belahkan kita? Kita harus fikirkan soalan ini kerana kita mengakui bahawa kita adalah insan yang tidak sempurna daripada Tuhan yang sempurna. Hakikatnya kita berkemungkinan, kerana kekurangan kita, terpesong ke arah perpecahan. Tuhan kita, sebaliknya, adalah Tuhan yang tidak menghendaki kekacauan, tetapi damai sejahtera; Tuhan yang menyatukan dan bukan memecah-belah. Oleh itu, marilah kita kuatkan semangat, kerana sebagai umat-Nya, kita mengetahui bahawa apabila kita mencari petunjuk serta mengejar kehendak-Nya, kita kian menjadi seperti-Nya; kita menjadi agen-agen penyatuan dan penyembuhan.

Kita mampu melakukannya melalui pelbagai cara. Sebagai contoh, kita berusaha ke arah penyatuan dengan membantu mereka yang kurang diberi perhatian, atau bekerja bersama keluarga-keluarga miskin, untuk memberikan sokongan yang diperlukan sehingga mereka mampu menampung diri sendiri. Kita boleh bekerja di dalam jawatankuasa di gereja atau badan bukan kerajaan untuk memupukkan penyatuan, atau menyuarakan ketidakadilan apabila ia berlaku. Apabila kita menerima berita-berita palsu dari pelbagai sumber, kita boleh memupuk perpaduan dan penyembuhan apabila kita tidak mengambil bahagian untuk menyebarkan berita tersebut, dan menasihati mereka akan tindakan menyebarkan berita-berita palsu. Sememangnya, ini adalah sebahagian daripada panggilan kita sebagai umat Kristian - iaitu mencontohi Kristus dan menjadi agen keamanan apabila berhadapan dengan kekacauan; ejen perpaduan ketika berlaku perpecahan.

Walau bagaimanapun, penglibatan kita dalam usaha penyatuan ini tidak semestinya berlaku di luar dan sekeliling kita. Sebaliknya, usaha-usaha juga harus ditumpukan kepada kedalamam diri kita. Kita harus mengaku bahawa sebagai insan yang tidak sempurna, terwujudnya kekurangan dalam kehidupan kita. Dan pengakuan ini bukan sesuatu yang mudah dan ia memerlukan keberanian. Namun, keberanian ini boleh diperolehi daripada komuniti BEC kita, terutamanya sokongan yang diberikan dalam situasi yang mencabarkan ini. Dalam kekurangan yang ada pada setiap orang di antara kita, marilah kita saling menyokong di antara satu sama lain, maka menjadi agen perpaduan di dalam komuniti BEC. Marilah kita mempercayai bahawa Tuhan sedang bekerja bersama kita dan menyokong kita dalam usaha kita, pada hari ini, dan juga setiap hari dalam kehidupan kita.

Soalan yang mengasyikkan:

- Apakah perubahan-perubahan yang berlaku di sekitar kita yang membawa kepada perpecahan dalam keluarga dan masyarakat kita?
- Bolehkah saya mengenal pasti dalam kehidupan saya apabila sayalah yang menjadi punca perpecahan dalam hubungan dengan orang lain?

Pengertian:

Yohanes 17: 20-23

Dan bukan untuk mereka ini saja Aku berdoa, tetapi juga untuk orang-orang, yang percaya kepada-Ku oleh pemberitaan mereka; supaya mereka semua menjadi satu, sama seperti Engkau, ya Bapa, di dalam Aku dan Aku di dalam Engkau, agar mereka juga di dalam Kita, supaya dunia percaya, bahwa Engkaulah yang telah mengutus Aku. Dan Aku telah memberikan kepada mereka kemuliaan, yang Engkau berikan kepada-Ku, supaya mereka menjadi satu, sama seperti Kita adalah satu: Aku di dalam mereka dan Engkau di dalam Aku supaya mereka sempurna menjadi satu, agar dunia tahu, bahwa Engkau yang telah mengutus Aku dan bahwa Engkau mengasihi mereka, sama seperti Engkau mengasihi Aku.

Refleksi:

- Baca teks untuk kali pertama.
- Baca semula teks itu dengan senyap, mendengar dengan teliti sabda yang Tuhan ingin berbicara di dalam hati kita.
- Kongsikan perkataan / frasa yang menyentuh kita.
- Kongsikan mengapa perkataan / frasa ini menyentuh kami.
- Sebulat suara, pilih satu "sabda kehidupan" yang boleh direnungkan bersama dalam kumpulan untuk bulan yang akan datang.

Tindakan:

- Apakah satu cara yang praktikal di mana saya boleh "menumpu kepada kepentingan orang lain" terutamanya di rumah saya, untuk memupuk perpaduan dalam keluarga saya?
- Apakah satu cara yang praktikal di mana saya boleh "menumpu kepada kepentingan orang lain" untuk memupuk perpaduan dalam kejiranan atau tempat kerja saya, atau di dalam masyarakat?

Doa Penutup:

Ya Tuhan, kami meminta supaya perjalanan kami yang diarahkan oleh Anda disinari dan dibimbing oleh cahaya Anda. Berilah kami jagaan dan kebijaksanaan tatkala kami menjalani kehidupan dan bekerjasama di antara satu sama lain. Kami membaca doa ini dalam Nama Yesus, Amin.

Lagu Penutup:

Tuhan Pelita Hidupku

1. Tuhan pelita hidupku
dalam gelap dan terang
Jangan Kau biarkan daku
tertumbuk batu karang

Korus : Tuhan pelita hidup ku
dalam sedih dan senang
Jangan padamkan cahayaMu
berilah daku terang

2. Tuhan cahaya abadi
di dalam kegelapan
Berilah daku jalan
di dalam kesesatan

Disusuli dengan satu dekad doa Rosario atau doa Kasih Ilahi.